

|           |                  |
|-----------|------------------|
| Newspaper | Utusan Malaysia  |
| Date      | 18 November 2015 |

## Najib hos persidangan dihadiri pemimpin dunia

UM - 18/11/2015

**KUALA LUMPUR 17 Nov.** - Pemimpin-pemimpin dunia termasuk Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama dijadual menyertai Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika Malaysia menjadi hos bagi Sidang Kemuncak ASEAN ke-27 dan Sidang-sidang Berkaitan minggu ini.

Banyak perkara akan dibincangkan semasa pemimpin-pemimpin serantau dan rakat sejawatan mereka dari kumpulan dialog ASEAN, bermesyuarat di ibu negara Malaysia dari 18 hingga 22 November, dipengerusikan oleh Perdana Menteri.

Agenda utama ialah membincangkan penubuhan Komuniti ASEAN pada 31 Disember 2015, satu peristiwa besar dalam sejarah pertubuhan berusia 48 tahun itu yang akan dicatatkan di Kuala Lumpur menerusi upacara menandatangani satu deklarasi oleh pemimpin-pemimpin rantau berkenaan.

Mereka juga dijangka mengeluarkan satu lagi dokumen yang merangka haluan ke hadapan bagi Komuniti ASEAN dalam tempoh 10 tahun akan datang hingga 2025.

Kumpulan 10-negara itu dianggotai Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Pemimpin-pemimpin Asia Tenggara itu akan juga mengadakan sidang kemuncak dengan rakan dialog ASEAN - China, Jepun, Korea Selatan, India, Russia, Australia, New Zealand, Amerika Syarikat, dan juga Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Siri mesyuarat peringkat tinggi itu, termasuk Sidang Kemuncak Asia Timur ke-10, akan berlangsung ketika masyarakat dunia berdepan dengan kesan serangan ganas di Paris Jumaat lepas yang mengorbankan lebih 100 orang dan mendapat kutukan seluruh dunia. - BERNAMA